

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB Kuala Nerus, buat masa ini Negara kita hanya membenarkan warganegara Malaysia (pengawal keselamatan tempatan) dan warganegara Nepal (pengawal keselamatan warga asing) sahaja untuk berkhidmat sebagai pengawal keselamatan di negara ini.

Pada tahun 2003 kerajaan hanya membenarkan warga negara Nepal sahaja untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan di dalam syarikat kawalan keselamatan bagi menampung keperluan pengawal keselamatan yang tidak mencukupi akibat daripada rakyat tempatan yang kurang berminat untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan dan permintaan yang tinggi daripada sektor swasta untuk menggunakan pengawal keselamatan warga negara Nepal. Walaubagaimanapun, pengambilan mereka ini hanyalah bersifat sementara sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pekerja asing warganegara Nepal yang ingin diambil untuk berkhidmat sebagai pengawal keselamatan tersebut wajib memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti berikut:

- (a) Syarikat agensi persendirian mesti memiliki kuota yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri;**

- (b) calon pengawal keselamatan warganegara Nepal berkenaan hendaklah mendapatkan visa sebelum dibawa masuk ke Malaysia;**
- (c) pengawal keselamatan warganegara Nepal yang diambil bekerja oleh syarikat adalah sah untuk tempoh tiga (3) tahun sahaja. Permohonan untuk lanjutan untuk tahun keempat (4) dan kelima (5) hendaklah dikemukakan ke Kementerian;**
- (d) pengawal keselamatan warganegara Nepal yang bertugas di kawasan sasaran penting negara perlulah mendapatkan kelulusan Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu;**
- (e) pengawal keselamatan warganegara Nepal tidak dibenarkan bertugas sebagai pengawal bersenjata (*Armed Security Guard*);**
- (f) pengawal keselamatan warganegara Nepal yang diluluskan untuk syarikat yang memohon tidak boleh bertugas secara langsung atau tidak langsung dengan syarikat kawalan keselamatan lain;**
- (g) pengambilan pengawal keselamatan warganegara Nepal adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan Jabatan Imigresen Malaysia;**
- (h) syarikat wajib mematuhi sebarang pindaan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri dari masa ke semasa selaras dengan peruntukan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971;**

- (i) kelulusan yang diberikan hanya sah untuk tempoh satu (1) tahun daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan;**
- (j) Syarikat yang gagal membawa masuk pengawal keselamatan warganegara Nepal dalam tempoh satu tahun boleh membuat rayauan perlanjutan tempoh sah kelulusan sebulan sebelum tempoh sah sebenar tamat. Kementerian hanya akan memberikan perlanjutan kepada syarikat yang mempunyai alasan yang munasabah; dan**
- (k) Mana-mana pengawal keselamatan warganegara Nepal WAJIB menghadiri kursus *Trained Nepalese Guard* (TNG) yang dianjurkan oleh Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM).**

Sekiranya didapati terdapat syarikat – syarikat kawalan keselamatan yang menggaji pekerja asing selain dari warga negara Nepal yang diluluskan oleh Kementerian ini ataupun mana – mana warga negara asing yang lain ataupun pendatang asing tanpa izin (PATI), tindakan tegas akan diambil terhadap syarikat – syarikat berkenaan sehingga boleh menyebabkan lesen mereka dibatalkan.